

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 | ISNIN**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa pendapatan Tabung Haji pada tahun 2019 dan nyatakan secara terperinci punca pendapatan tersebut seperti daripada penjualan harta, keuntungan penjualan saham atau dividen dari syarikat-syarikat anak Tabung Haji dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang diumumkan semasa pengisytiharan agihan keuntungan kepada pendeposit pada bulan Mac yang lalu, Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah mencatatkan prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik bagi tahun 2019.

Bagi tahun kewangan 2019 yang masih diaudit, **TH** telah memperoleh pendapatan berjumlah RM3.2 bilion dijana terutamanya menerusi pelaburan aset pendapatan tetap (iaitu sukuk) yang memberi RM1.6 bilion atau 51% daripada jumlah pendapatan **TH**, manakala pelaburan hartanah dan ekuiti masing-masing menyumbang sebanyak RM0.5 bilion dan instrumen pasaran wang Islam pula menjana RM0.4 bilion bagi tahun 2019.

**NO. SOALAN : 15**

Aktiviti dagangan merupakan sebahagian daripada aktiviti utama yang dijalankan dalam pengurusan pelaburan **TH**, mengambilkira keadaan semasa pasaran dan peluang yang ada. Berikut adalah pecahan jenis pendapatan yang diperoleh bagi tahun 2019 mengikut kelas pelaburan:-

Kelas Pelaburan	Jenis Pendapatan	Jumlah Pendapatan RM' Juta	Pecahan (%)
Sukuk	Pendapatan kupon	1,502.41	47%
	Aktiviti dagangan	129.86	4%
Ekuiti	Pendapatan dividen	477.84	15%
	Aktiviti dagangan instrument derivatif & ekuiti	(14.87)	-0.5%
Pembiayaan	Keuntungan pembiayaan	98.29	3%
Pasaran Wang	Pendapatan pelaburan	353.69	11%
Hartanah	Pendapatan sewa	309.52	10%
	Pajakan kewangan	175.57	6%
	Aktiviti dagangan	7.98	0%
Perubahan nilai saksama	Hartanah pelaburan	168.93	5%
	Instrumen kewangan	(21.28)	-1%
<b>Jumlah</b>		<b>3,187.92</b>	<b>100%</b>

**TH** akan terus meneroka peluang pelaburan secara berhemah dengan mengambil kira kepentingan pendeposit.

**TH** akan terus mengekalkan tahap tadbir urus yang tinggi dalam mentadbir dana yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Aktiviti pelaburan yang melibatkan transaksi jual beli dilaksanakan berpandukan Strategi Aset Alokasi dan selera risiko "Risk Appetite" Tabung Haji.

Sekian. Terima kasih.